



KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Aras 13, Blok F5, Kompleks F, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8091 0000

Laman Web : www.planmalaysia.gov.my

E-mel : alias@planmalaysia.gov.my

Rujukan Kami : JPBD (IP) 185/656/23 (I8)

Tarikh : 30 Oktober 2023

Pekeliling Setiausaha Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilangan 5 Tahun 2023

PEMAKAIAN PELAN PEMBANGUNAN GEOPARK NEGARA 2021-2030 DAN PELAN PELAKSANAAN GEOPARK NEGARA DALAM MEMPERKASA EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua jabatan dan agensi peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PLANMalaysia Negeri, semua agensi teknikal peringkat negeri dan pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan, bagi menerima pakai **Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara** dalam pemuliharaan warisan geologi dan landskap serta pemuliharaan warisan dan budaya.

LATAR BELAKANG

2. Geopark merupakan pendekatan pemuliharaan yang inovatif untuk memelihara kawasan yang mengandungi tapak kepelbagai sumber warisan semula jadi terutamanya sumber-sumber warisan geologi yang boleh digunakan oleh semua pihak bagi tujuan pemeliharaan, pemuliharaan, penyelidikan, pendidikan dan pembangunan secara lestari.

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional



3. Geotapak pula adalah sebuah tapak landskap geologi, singkapan batuan atau gabungannya yang mengandungi nilai geowarisan penting/tinggi, khususnya daripada perspektif saintifik (Sejarah Bumi), estetik (keindahan dan keunikan rupabumi), rekreasi (tapak dan rintis riadah lapangan) dan budaya (hubungan dengan tamadun manusia).

4. Jemaah Menteri pada 29 Mei 2015 telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Geopark Kebangsaan (JKGK) yang bertanggungjawab menggariskan dasar, merangka strategi dan menggalakkan pembangunan gagasan geopark di Malaysia. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (dahulunya NRE, KATS dan KeTSA) dan dianggotai wakil agensi-agensi berkepentingan di peringkat negeri dan persekutuan.

5. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam majlis perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas 2022 pada 28 Februari 2022, telah menitahkan agar kawasan-kawasan berpotensi untuk diiktiraf sebagai geopark hendaklah dikekalkan dan dipelihara bertujuan memenuhi inisiatif mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok.

PENERIMAPAKAIAN PELAN PEMBANGUNAN GEOPARK NEGARA 2021-2030 DAN PELAN PELAKSANAAN GEOPARK NEGARA DALAM MEMPERKASA EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI SETEMPAT

6. Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara ini telah dipersetujui oleh mesyuarat **Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-42 Bilangan 2 Tahun 2023** pada 18 September 2023 untuk pemakaian dan pelaksanaan di semua jabatan dan agensi peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PLANMalaysia Negeri, semua agensi teknikal peringkat negeri dan pemegang taruh (*stakeholders*).

7. Persetujuan pemakaian dan pelaksanaan ini termasuklah menterjemahkan cadangan Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara dalam Rancangan Tempatan bagi PBN dan PBT di seluruh negara.

Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030

8. Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 adalah satu dokumen yang disediakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia untuk dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan di peringkat persekutuan dan kerajaan negeri bagi menggerakkan pembangunan geopark sebagai Kawasan potensi pelancongan dengan melibatkan aktiviti memelihara serta memulihara sumber warisan geologi semula jadi dan budaya di seluruh negara.

9. Pelan ini menggariskan perancangan pembangunan, pengurusan pemuliharaan, pendidikan, penyelidikan, pembangunan komuniti, dan pelan pembangunan bagi aktiviti geopelancongan. Pelan ini turut memperincikan strategi dan peranan agensi persekutuan, negeri dan PBT, tatacara pembangunan geopark kebangsaan dan hala tuju bagi memacu pembangunan geopark negara secara holistik.

10. Pelan ini mengandungi sembilan (9) Bab iaitu Pengenalan, UNESCO Global Geopark (UGGp), Geopark Kebangsaan, Kepentingan Geopark Kepada Negara, Konsep Pembangunan Geopark Selari Dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), Geopark Sebagai Agen Pembangunan Negara, Strategi Pembangunan Geopark, Gerak Kerja ke Arah Penubuhan Geopark, dan Hala Tuju Geopark Negara.

Pelan Pelaksanaan Geopark Negara

11. Pelan Pelaksanaan Geopark Negara disediakan sebagai panduan kepada pihak pengurusan sesebuah geopark di peringkat PBN dan PBT. Pelan ini telah disediakan selaras dengan garis panduan yang dinyatakan dalam dokumen *Operational Guideline for UNESCO Global Geopark*. Dengan demikian, badan pengurusan geopark di Malaysia dapat menguruskan Geopark Kebangsaan dan UGGp mengikut piawaian pengurusan yang ditetapkan oleh pihak UNESCO.

12. Tiga (3) objektif utama yang diberi penekanan dalam Pelan Pelaksanaan Geopark Negara adalah seperti berikut:

- i. Merealisasikan inspirasi kerajaan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan sumber asli negara;
- ii. Dokumen ini untuk diguna pakai oleh badan pengurusan geopark; dan
- iii. Memperkuatkan strategi pemerkasaan ekonomi dan kesejahteraan komuniti setempat.

13. Pelan ini pula terdiri daripada 13 Bab iaitu Pengenalan, Komponen Geopark dan penjelasan melibatkan 11 komponen pengurusan geopark. Setiap komponen mempunyai Pelan Tindakan yang menggariskan tiga (3) fasa pelaksanaan iaitu merujuk kepada pembangunan sebelum diiktiraf sebagai sebuah geopark, perancangan dan pelaksanaan pengurusan, seterusnya kelestarian setelah mendapat pengiktirafan Geopark Kebangsaan dan UGGp.

14. Secara umumnya, peranan geopark untuk memperkasa ekonomi dan kesejahteraan komuniti setempat adalah melalui tindakan seperti berikut:

- i. Memperkenalkan produk baharu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi komuniti setempat seperti geopelancongan berdasarkan ilmu serta industri kecil dan sederhana (IKS);
- ii. Membangunkan tapak pelancongan dan kemudahan asas seperti papan maklumat, pusat maklumat, galeri, laluan masuk ke geotapak dan penunjuk arah yang berdasarkan warisan dan keindahan alam;
- iii. Mempelbagaikan perkhidmatan sokongan sektor pelancongan untuk meningkatkan ekonomi komuniti melalui pembangunan perkhidmatan jurupandu geopark (*geoguide*), perkhidmatan pengangkutan, penyediaan makanan, penginapan dan lain-lain yang berkaitan;
- iv. Memperkenalkan produk pelancongan berdasarkan geotapak dan geopark (*geoproduk*);
- v. Menggalakkan aktiviti kemasyarakatan seperti program gotong-royong bagi tujuan menzahirkan suasana hijau di persekitaran geotapak;
- vi. Meningkatkan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara secara tidak langsung akan menyumbang kepada penjanaan pendapatan komuniti setempat;
- vii. Merangsang pertumbuhan ekonomi melalui penyertaan serta penglibatan komuniti di dalam dan luar kawasan geopark;

- viii. Menerapkan rasa kebanggaan dan kesepuhyaan melalui pendidikan awal, serta mewujudkan jaringan antara komuniti dan pemain industri; dan
- ix. Menyumbang dalam usaha menangani perubahan iklim dan kesan bencana alam yang memberi impak kepada kualiti udara, air bersih, tanah pertanian, mengurangkan pelepasan karbon dan sebagainya.

PEMATUHAN DAN PEMAKAIAN

15. Semua jabatan dan agensi peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PLANMalaysia Negeri, semua agensi teknikal peringkat negeri dan pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan bertanggungjawab memastikan **Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030** dan **Pelan Pelaksanaan Geopark Negara** diguna pakai untuk cadangan membangun dan melaksanakan Geopark di setiap negeri.

16. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga perlu memastikan cadangan **Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030** dan **Pelan Pelaksanaan Geopark Negara** diterjemahkan ke dalam Rancangan Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

18. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada:
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Aras 9. Menara PjH, No.2,
Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 2, 62100 Putrajaya.
No. Tel.: 03-8871 6000

PENUTUP

19. Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua jabatan dan agensi peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), PLANMalaysia Negeri, semua agensi teknikal peringkat negeri dan pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan untuk rujukan dan tindakan sewajarnya.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(TPr DR. ALIAS BIN RAMELI)
30 Oktober 2023

Salinan Kepada

- (i) Yang Berhormat Menteri KPKT
- (ii) YBhg. Datuk Wira KSU KPKT
- (iii) YBhg. Datuk TKSU (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT

Pemakaian Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara Dalam Memperkasa Ekonomi dan Kesejahteraan Komuniti Setempat boleh dimuat turun melalui QR Code berikut:



Nota:

Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara Dalam Memperkasa Ekonomi dan Kesejahteraan Komuniti Setempat.

Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia seperti berikut:

- i. **P.Geol Abd Rahim b. Harun**
Timbalan Pengarah
Unit Perancangan Geosains
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
No. Tel. : 03-8871 6000 samb 207
E-mel : arh@jmg.gov.my

- ii. **Ts. P.Geol Muhammad Mustadza b. Mazni**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Perancangan Geosains
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
No. Tel. : 03-8871 6000 samb 209
E-mel : mustadza@jmg.gov.my